

Sasaran 500,000 kerja tercapai

BH - 13/12/2021 m/s: 2

Matlamat tahun ini dipacu dua inisiatif utama menerusi MySTEP, PenjanaKerjaya

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sasaran kerajaan untuk mewujudkan 500,000 peluang pekerjaan sepanjang tahun ini berjaya dicapai, selepas 500,257 pencari kerja sudah memperoleh peluang pekerjaan menerusi 27 inisiatif diperkenal kerajaan setakat 3 Disember lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata kejayaan diperoleh seiring Aspirasi 100 hari Keluarga Malaysia ini, amat bermakna terutama ketika pasaran buruh menghadapi ca-

baran getir akibat pandemik COVID-19 sejak Mac tahun lalu, sehingga pengangguran melonjak kepada kadar tertinggi, 5.3 peratus pada Mei 2020.

Beliau berkata, pencapaian ini dipacu menerusi dua inisiatif utama diperkenal kerajaan sebelum ini, iaitu Program Insentif Pengambilan Pekerja (PenjanaKerjaya) dan Malaysia Short Term Employment Programme (MySTEP).

"PenjanaKerjaya 2.0 berjaya menempatkan seramai 221,966 pekerja, melangkaui sasaran keseluruhan 200,000 peluang pekerjaan bagi tahun ini.

"Ia dikendalikan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), dengan menyediakan insentif pengajian sehingga 60 peratus daripada gaji bulanan kepada majikan serta program latihan kemahiran tinggi atau sijil profesional kepada pekerja sehingga RM7,000," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Beliau berkata, MySTEP pula

berjaya melangkaui sasaran keseluruhan 50,000 peluang pekerjaan tahun ini dengan menempatkan 61,328 pekerja secara kontrak selama sekurang-kurangnya enam bulan di pelbagai kementerian, agensi kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

"Daripada jumlah itu, seramai 41,680 pekerja berjaya ditempatkan di sektor awam, manakala 19,648 lagi ditempatkan di GLC dan rakan strategik mereka.

"Antaranya seperti Kementerian Kewangan, Kementerian Pengajian Tinggi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), PETRONAS, Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Khazanah Nasional," katanya.

Ismail Sabri berkata, selain PenjanaKerjaya 2.0 dan MySTEP, kerajaan juga berjaya mewujudkan lebih 123,312 pekerjaan baharu melalui pelaburan dalam negara dengan 74.2 peratus da-

ripadanya dalam kategori mahir dan separuh mahir.

"Jumlah itu sebahagian pekerjaan baharu terhasil daripada komitmen pelaburan bagi 2021.

"Sejak program PenjanaKerjaya 2.0 dan MySTEP mula dilaksanakan Januari lalu juga, jumlah pekerjaan disediakan sentiasa mengatasi sasaran bulanan yang ditetapkan," katanya.

Memandang ke hadapan, beliau berkata, menerusi Belanjawan 2022, inisiatif JaminKerja Keluarga Malaysia (JaminKerja) akan menyediakan 600,000 peluang pekerjaan dengan peruntukan berjumlah RM4.8 bilion.

"Kerajaan melalui PERKESO juga akan meneruskan usaha pengambilan pekerja melalui inisiatif JaminKerja dengan peruntukan sejumlah RM2 billion.

"Kerajaan akan memberi insentif sebanyak 20 peratus daripada gaji bulanan bagi tempoh enam bulan pertama dan 30 peratus bagi enam bulan berikutnya tertakluk kepada pekerjaan

bergaji RM1,500 ke atas.

"Diharap usaha ini dapat mewujudkan 300,000 peluang pekerjaan baharu pada 2022," katanya.

Selain itu beliau berkata, di bawah inisiatif MySTEP, 80,000 peluang pekerjaan secara kontrak akan ditawarkan merangkumi 50,000 pekerjaan dalam sektor awam dan 30,000 pekerjaan dalam GLC dan rakan strategik mereka mulai Januari depan.

"Kerajaan yakin strategi Majlis Pekerjaan Negara (NEC) dapat meneruskan momentum penciptaan pekerjaan, selaras dengan pemulihan dan pembukaan pelbagai sektor ekonomi.

"Seterusnya, berusaha menangani isu kekurangan pekerja dalam sektor tertentu, kesaksamaan peluang untuk golongan rentan serta isu berkaitan pengajian.

"Perkembangan ini sekali gus memperkasa pendapatan isi rumah Keluarga Malaysia terutama kumpulan asnaf, B40 dan M40," katanya.